



Bangunan PTMK dan PBMSK di UMP Pekan siap sepenuhnya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd. menyerahkan bangunan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) kepada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 26 Oktober 2015 yang lalu.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, UMP Pekan itu dihadiri Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob, Pengarah Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang, Dato' Ir. Haji Abdul Jalil Haji Mohamed, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, Timbalan Pendaftar Kanan

(Jabatan Penyelidikan & Inovasi), Datin Hajah Fazia Ali, Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Pemangku Pengarah PTMK, Roslan Awang Abdul Rahman.

Menurut Dato' Ir. Haji Abdul Jalil, pihak JKR berasa bangga kerana telah diberi kepercayaan oleh KPM bagi melaksanakan projek pembinaan UMP Kampus Pekan.

"Bagi pembinaan bangunan ini bakal menempatkan PTMK, PBMSK dan Dewan Kuliah Utama yang bernilai RM 70 juta menerusi Kontraktor Pembinaan Jaya Zira.

"Bangunan ini merupakan nadi kepada pembangunan ICT dan bahasa di UMP Pekan kerana ianya berfungsi sebagai pusat ICT dengan reka bentuknya inspirasi terjemahan elemen seni bina yang mengadaptasi konsep *Clean Cut* dan *spatial landscape oasis* dengan kolam buatan sebagai mercu tanda.

"Strategi reka bentuk bangunan ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mana pengguna IT akan diterokai di dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya," katanya.

Tambah beliau, kompleks ini terdiri daripada dua blok akademik utama dan satu blok dewan kuliah utama direka bentuk seolah olah memberi gambaran spine vista kepada bangunan kerana bentuk bangunan tersebut.

Malahan, keseluruhan projek yang dilaksanakan serentak ini terdiri daripada

dua projek iaitu Projek Kompleks Pentadbiran Utama dan projek pusat PTMK dan PBMSK dengan kos kontrak bernilai RM123 Juta yang dimulakan pada 6 Julai 2012.

Katanya, Projek Bangunan PTMK dan PBMSK ini merupakan projek keempat yang disiapkan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya.

"Dengan penyerahan ini maka lengkaplah sebahagian misi JKR Malaysia untuk projek Pembangunan UMP Kampus Pekan ini. Sebelum ini antara projek yang telah siap iaitu Perpustakaan UMP, UMP FAsa 1B, Kompleks Pentadbiran Utama, serta bangunan PTMK dan PBMSK.

Manakala menurut Profesor Zulkefli pula, bangunan ini merupakan salah satu daripada projek UMP di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi memberi perkhidmatan dan pentadbiran yang lebih berkualiti kepada warga UMP setanding dengan pertambahan pelajar di UMP kini.

Beliau percaya dengan pembinaan ibu pejabat baharu yang serba moden ini akan memberikan prasarana kerja yang lebih cemerlang serta dapat memberi keselesaan, kesenangan dan semangat baharu kepada petugas yang bertugas.

PTMK mula beroperasi pada 16 November 2015 manakala PBMSK dijangka akan memulakan operasi di bangunan baharunya pada 18 Januari 2016.